

# **BAB ENAM**

## BAB ENAM

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

#### 1. KESIMPULAN UMUM

Daripada kajian yang telah dijalankan, secara keseluruhannya penulis dapat membuat beberapa kesimpulan berikut:

##### a. Kesimpulan Pertama

Kemunculan Etika Alam Sekitar adalah hasil daripada kebangkitan kesedaran mengenai alam sekitar yang melanda dunia barat semenjak selepas tercetusnya Revolusi Industri pada kurun ke 18 lagi. Kemerosotan alam sekitar yang berlaku di dunia barat khususnya selepas waktu tersebut di Eropah telah menimbulkan tanda tanya; Dimanakah silapnya pembangunan yang dilaksanakan? Sepertimana yang dimaklumi, masyarakat barat telah mendahului masyarakat di bahagian dunia yang lain dalam menerokai alam sekitar semulajadi melalui sains dan teknologi moden yang dimiliki. Dengan pengertian yang lain, tercetusnya Revolusi Industri yang menakjubkan manusia adalah bertunjangkan perkembangan sains dan teknologi moden yang telah mula berkembang dan berpengaruh sejak beberapa ratus tahun sebelumnya lagi.

Perkembangan sains dan teknologi di dunia barat yang sering dilabelkan dengan zaman moden mempunyai satu kekurangan yang cukup ketara, iaitu cubaan bebas dari nilai. Kewujudan sains dan teknologi yang bersifat ‘bebas nilai’ ini adalah kesan daripada pemencilan pengaruh keagamaan. Pemisahan di antara sains dan teknologi moden dengan agama sememangnya menjadi tema utama di dalam

Tamadun Sains Barat. Revolusi Sains yang berlaku pada kurun ke 17 turut diiringi dengan revolusi kepercayaan, bilamana munculnya sahaman Deisme, Agnostisisme dan Athiesme. Pegangan terhadap agama khususnya agama Kristian dipandang sebagai kolot oleh beberapa pihak terutamanya para pendukung falsafah positivisme.

Berbekalkan dengan sains dan teknologi moden inilah, manusia mula menerokai alam sekitar dengan rakus. Kerakusan ini digalakkan lagi dengan sistem ekonomi Kapitalisme yang sedaya mungkin cuba memaksimakan keuntungan. Sains dan teknologi moden yang bersifat bebas nilai ini kemudiaannya digunakan oleh manusia yang sudah runtuh nilai moralnya. Hasilnya, timbulah pelbagai krisis yang berterusan dalam kehidupan manusia hari ini termasuklah krisis alam sekitar. Krisis alam sekitar merupakan di antara krisis terbesar yang sedang di hadapi oleh seluruh masyarakat dunia. Bermacam cara telah diusahakan termasuklah di peringkat PBB untuk menyelesaikan krisis tersebut. Dalam kegawatan seperti ini, terdapat lagi saki-baki golongan sekular seperti Lynn White Jr., yang masih menyalahkan agama dengan mengatakan sebagai pencetus paradigma ‘menawan alam sekitar’ (*knowing nature is to conquer it*).

Masyarakat dunia hari ini telah mula menyedari terdapat kekurangan pada sains dan teknologi moden. Kekurangan tersebut tidak lain dan tidak bukan dilihat dari segi nilai. Bermula dari titik tolak inilah, perbahasan tentang nilai mulai berkembang di dunia barat termasuklah perbahasan tentang Etika Alam Sekitar. Perbahasan tentang Etika Alam Sekitar boleh dilihat dari dua perspektif iaitu perspektif pemikiran barat dan perspektif keagamaan. Kedua-dua perspektif ini telah mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi seluruh dunia. Dalam kajian ini, penulis telah cuba menghuraikan kedua-dua perspektif tersebut. Kesimpulannya, Etika Alam Sekitar yang boleh dijustifikasi melalui kajian yang mendalam

termasuk yang bersumberkan perspektif keagamaan tidak seharusnya dipinggirkan dalam mencari penyelesaian krisis alam sekitar masa kini. Sikap yang masih memperkecilkan perspektif etika dan keagamaan bukanlah sikap yang positif, malah tidak menyumbang kepada usaha mencari penyelesaian krisis.

### **b. Kesimpulan Kedua**

Negara Malaysia turut menerima tempias krisis alam sekitar global yang berlaku, di samping turut berhadapan dengan kemelut alam sekitarnya sendiri. Meskipun keadaan alam sekitar di Malaysia masih boleh bertahan, kemerosotan yang terus berlaku kesan daripada pembangunan cukup membimbangkan. Kesan pembangunan terhadap kualiti udara telah sampai ke tahap yang serius, bilamana negara Malaysia dilanda kejadian jerebu yang berpanjangan selepas dekad 1990 an. Kualiti air khususnya sungai telah terjejas dengan teruk di beberapa kawasan, malah negara Malaysia yang menerima jumlah hujan yang tinggi turut menghadapi krisis bekalan air bersih seperti yang telah berlaku di Durian Tunggal, Melaka pada tahun 1991. Di daratan pula, kita menghadapi masalah hakisan tanah yang serius di kawasan-kawasan tertentu. Masalah hakisan tanah ini kadang-kala mencetuskan tragedi yang meragut nyawa seperti yang berlaku dalam Tragedi Highland Towers dan Tanah Runtuh Genting Highland. Kesemuanya ini boleh menggambarkan keadaan alam sekitar Malaysia pada hari ini.

Kemerosotan alam sekitar yang berlaku di negara ini merupakan pengulangan keadaan yang telah berlaku di dunia barat. Sama ada disedari atau tidak, sains dan teknologi moden daripada barat yang bersifat bebas nilai tersebut telah turut mewarnai dunia pendidikan. Disiplin-disiplin yang berkaitan dengan Falsafah Sains, Etika Sains dan seumpamanya baru kebelakangan ini sahaja mula mendapat tempat di

beberapa institusi pengajian tinggi Malaysia. Seterusnya sains dan teknologi yang bebas nilai ini jugalah yang telah digunakan untuk pelaksanaan pembangunan negara, termasuk beberapa teknologi yang memang jelas tidak ‘mesra alam’ dengan ciri-ciri sedia ada persekitaran Malaysia.

Kesan kemerosotan alam sekitar yang berlaku di Malaysia telah mencerminkan tahap kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat. Tidaklah menghairankan bila kajian yang dibuat oleh JAS dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996 menunjukkan 70 % masyarakat Malaysia tidak peka mengenai isu-isu alam sekitar dan langkah-langkah pencegahan pencemaran. Kesedaran alam sekitar yang rendah di kalangan masyarakat Malaysia secara tidak langsung menggambarkan penghayatan Etika Alam Sekitar yang juga rendah. Kesimpulannya, meskipun telah wujud manifestasi Etika Alam Sekitar dalam konteks teknikal, penghayatan Etika Alam Sekitar serta prinsip-prinsip falsafah yang berkaitan dengannya di kalangan masyarakat Malaysia masih lagi cetek.

### **c. Kesimpulan Ketiga**

Manifestasi Etika alam Sekitar di Malaysia dalam konteks teknikal boleh dilihat dalam bentuk pelaksanaan pengurusan dan perundungan alam sekitar. Namun begitu, penyelesaian kemelut alam sekitar secara teknikal semata-mata tidak memadai kerana ia sekadar bergantung kepada dorongan luaran. Memupuk kesedaran dalam alam sekitar di kalangan masyarakat sebenarnya lebih penting daripada itu kerana melaluiinya sahajalah dapat wujud penghayatan sebenar Etika Alam Sekitar. Kesedaran alam sekitar mempunyai kaitan yang rapat dengan pandangan alam yang wujud pada diri seseorang serta konsep kebaikan atau keburukan yang diterima olehnya. Kedua-dua perkara ini tidak boleh dicapai melalui pendekatan teknikal

sebaliknya memerlukan pendekatan falsafah, di samping kefahaman terhadap fakt-fakta sains tentang sifat-sifat alam sekitar itu sendiri.

Demi menyedari hakikat tersebut, penghayatan Etika Alam Sekitar perlu dipupuk di kalangan masyarakat supaya tanggungjawab memulihara alam sekitar itu dimulakan melalui dorongan dalaman diri mereka sendiri. Pengabaian pendekatan falsafah sudah tentu menyebabkan masyarakat tidak menghayati Etika Alam Sekitar sebagaimana yang dikehendaki. Sikap sesetengah pemimpin negara yang tidak konsisten terhadap kepentingan alam sekitar merupakan satu petunjuk tentang penghayatan Etika Alam Sekitar yang lemah. Demikian juga dengan sikap pemaju yang lebih mementingkan keuntungan turut menggambarkan penghayatan etika dan pemahaman alam sekitar yang masih lagi cetek. Kefahaman masyarakat yang masih rendah terhadap kepentingan memulihara alam sekitar juga merupakan satu petanda mengenai wujudnya fenomena tersebut. Kesimpulannya, persoalan falsafah alam sekitar terutamanya yang berkaitan dengan pandangan alam serta penghayatan etika dilihat sebagai faktor dasar yang penting dalam menyebabkan kemerosotan alam sekitar di Malaysia.

#### **d. Kesimpulan Keempat**

Seharusnya disedari bahawa tidak semua bentuk pemikiran yang berkaitan dengan falsafah alam sekitar boleh diterapkan kepada masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, prinsip Etika Alam Sekitar yang dikemukakan oleh aliran pemikiran Ekologi Dalam tentang pengurangan pertumbuhan penduduk, tidak beberapa sesuai diterapkan di Malaysia. Prinsip seperti ini tidak selari dengan keluasan Malaysia yang masih boleh menampung sehingga 70 juta penduduk sebagaimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, prinsip ini juga tidak bersesuaian dengan

pendirian yang masih dipegang oleh masyarakat Islam tentang tuntutan meramaikan zuriat. Polemik tentang isu Perancang Keluarga pada dekad 1960-an merupakan gambaran tentang sikap sedemikian. Menyedari hakikat tersebut, Etika Alam Sekitar yang hendak diterapkan di Malaysia mestilah bersesuaian dengan latar belakang masyarakat Malaysia. Penerapan Etika Alam Sekitar ke dalam masyarakat Malaysia mesti mengambil kira kriteria-kriteria berikut:

- a. Majoriti masyarakat Malaysia masih berpegang teguh kepada kepercayaan beragama. Malah perkara ini merupakan persoalan teras kepada Rukun Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, Etika Alam Sekitar yang hendak diterapkan perlulah bertepatan dan bersesuaian dengan pegangan keagamaan masyarakat Malaysia.
  
- b. Masyarakat Malaysia mewarisi cara hidup (budaya) ketimuran yang rata-rata bersifat mesra alam. Persoalan kecintaan terhadap alam sekitar bukanlah merupakan satu perkara yang terasing dalam masyarakat Malaysia sebaliknya telah diwarisi turun temurun. Bagaimanapun, cara kehidupan moden hasil daripada pembangunan dan proses industrialisasi pesat di Malaysia telah menghakis cara hidup seperti ini. Menyedari perkara tersebut, penerapan Etika Alam Sekitar boleh dilakukan dengan menghidupkan kembali tradisi ketimuran ini, bukannya membawa cara hidup yang lain dalam masyarakat Malaysia.
  
- c. Struktur politik, ekonomi dan sosial negara ini mempunyai ciri-cirinya yang unik misalnya kewujudan masyarakat majmuk. Penerapan sesuatu perkara termasuklah Etika Alam Sekitar menuntut kepada sifat kesejagatian dan toleransi yang tinggi.

Penerapan Etika Alam Sekitar yang tiada sifat kesederhanaan seperti yang berlaku di sesetengah negara boleh mencetuskan ketegangan yang tidak sihat di kalangan masyarakat. Aliran-aliran pemikiran Etika Alam Sekitar yang tiada sifat kesederhanaan seperti pandangan pendukung Hak Asasi Haiwan dan Ekologi Dalam sudah tentu tidak begitu sesuai diterapkan di Malaysia.

- d. Persekutaran goegrafi Malaysia juga mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri sama ada dari segi iklim dan cuaca, kedudukan geografi serta bentuk mukabuminya. Penerapan Etika Alam Sekitar harus memberi perhatian terhadap faktor ini kerana tidak semua perkara yang sesuai diterapkan di negara lain sesuai pula diterapkan dengan negara ini. Sebagai contoh, teknologi ‘mesra alam’ yang dilaksanakan di negara-negara barat belum tentu sesuai dengan persekitaran goegrafi di Malaysia.

Penyelesaian terhadap kemelut alam sekitar di negara ini perlu dicari dengan segera. Sekiranya perkara ini dilengahkan besar kemungkinan negara Malaysia akan menghadapi kemelut alam sekitar yang lebih kronik. Tempo pembangunan negara menuju Wawasan 2020 berlaku dengan begitu pantas, sedangkan persediaan dari segi penghayatan Etika Alam Sekitar masih terlalu perlahan. Saranan Perdana Menteri Malaysia agar seluruh masyarakat Malaysia mempersiapkan diri menuju Wawasan 2020 harus diberi perhatian. Di antara persiapan yang paling penting ke arah Wawasan 2020 ialah menggarap pembentukan Etika Alam Sekitar yang sesuai untuk diterapkan ke dalam masyarakat Malaysia. Perkara ini selaras dengan tuntutan membentuk sebuah negara maju dengan ‘acuan sendiri’ dan gagasan masyarakat madani. Kesimpulannya, keperluan menggarap pembentukan Etika Alam Sekitar yang

sesuai dengan latar belakang masyarakat Malaysia merupakan satu tuntutan ke arah membentuk sebuah negara maju dengan ‘acuan sendiri’ pada tahun 2020.

## **2. SARANAN**

Berdasarkan kepada kesemua kesimpulan umum di atas, dikemukakan empat saranan penting untuk perhatian pihak-pihak yang berkenaan.

- a. Kurikulum yang berkaitan dengan falsafah dan etika mestilah menjadi kunci ilmu (kursus pengenalan) kepada sesuatu bidang pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi khususnya yang berkaitan dengan sains dan teknologi serta alam sekitar. Langkah ini dapat mendedahkan seseorang yang terlibat dengan sesuatu bidang pengajian tentang persoalan nilai dan tanggungjawab manusia terhadap dirinya serta alam sekitar. Sebagai contohnya, bidang pengajian sains tulen di semua pusat pengajian tinggi mesti melibatkan sama pengajian yang berkaitan dengan Sejarah dan Falsafah Sains.
  
- b. Golongan ilmuan perlu digembeling ke arah mewujudkan satu kurikulum yang lebih tersusun berkaitan dengan alam sekitar termasuk Etika Alam Sekitar bermula daripada peringkat pendidikan pra sekolah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi. Selain daripada itu, pendidikan tidak formal yang terancang tentang Etika Alam Sekitar perlu juga diwujudkan dalam masyarakat. Demikian juga dengan penerbitan buku-buku teks yang berkaitan dengan kurikulum tersebut serta lain-lain bentuk penerbitan yang berkaitan dengan Etika Alam Sekitar harus digalakkan.

- c. Ruang dialog di pusat-pusat pengajian tinggi seharusnya digunakan untuk mencari satu identiti yang sesuai bagi Etika Alam Sekitar yang hendak diterapkan ke dalam masyarakat Malaysia. Dalam konteks dialog ini, mereka yang terlibat perlulah mewakili pelbagai perspektif ilmu bagi mewujudkan perbahasan yang matang dan meliputi semua perkara. Sebagai contoh, *University of North Texas* telah membuka ruang seumpama ini melalui penubuhan Pusat Falsafah Alam Sekitarnya (*Center for Environmental Philosophy*).
- d. Pihak-pihak berkuasa agama seharusnya turut dilibatkan secara aktif dalam usaha menerapkan Etika Alam Sekitar ke dalam masyarakat Malaysia. Penglibatan mereka perlu disebabkan pendekatan keagamaan merupakan cara yang berkesan untuk seseorang menghayati Etika Alam Sekitar. Peranan golongan ini cukup besar disebabkan pengaruh mereka yang meluas di dalam masyarakat. Sebagai contoh, peranan pihak masjid melalui penganjuran kuliah maghrib, ceramah agama, forum semasa dan risalah sebagai penyulur pendidikan tidak formal mengenai Etika Alam Sekitar, merupakan satu cara yang langkah yang sihat.
- e. Sebuah jawatankuasa pemandu di peringkat nasional berhubung dengan Etika Alam Sekitar perlu diwujudkan, bagi memastikan wawasan membentuk sebuah negara maju dengan ‘acuan sendiri’ tercapai. Jawatankuasa pemandu ini dianggotai oleh mereka yang berlatarbelakangkan pelbagai perspektif seperti ahli falsafah, saintis, pakar etika, ulama, politikus, pakar perundangan dan lain-lain.

### **3. CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA**

Kajian yang dilakukan ini merupakan satu dimensi baru dalam bidang pengajian alam sekitar secara amnya di Malaysia. Sebelum ini, kajian di dalam bidang

pengajian alam sekitar lebih ditumpukan kepada persoalan teknikal dan praktikal dalam pengurusan alam sekitar, tetapi dalam kajian ini tumpuan lebih diberikan kepada persoalan falsafah alam sekitar. Di sebabkan kajian berbentuk ini masih belum begitu mendalam di Malaysia, penulis lebih banyak menyentuh konsep-konsep umum tentang Etika Alam Sekitar sama ada dari perspektif pemikiran barat ataupun perspektif keagamaan. Demikian juga dengan manifestasi Etika Alam Sekitar di Malaysia, penulis hanya menyentuh kriteria asas yang perlu ada pada Etika Alam Sekitar yang hendak diterapkan ke dalam masyarakat.

Kepada sesiapa yang berminat meneruskan kajian dalam bidang ini, penulis mencadangkan supaya salah satu tumpuan yang boleh dibuat ialah terhadap perincian mengenai aliran-aliran pemikiran Etika Alam Sekitar dari perspektif pemikiran barat dan perspektif keagamaan tersebut. Perincian tentang perkara ini sudah tentu dapat membantu kita menentukan bentuk atau aliran Etika Alam Sekitar yang sesuai bagi pandangan alam masyarakat Malaysia. Kajian juga boleh ditumpukan terhadap penghuraian tentang kriteria-kriteria asas yang perlu ada pada Etika Alam Sekitar yang hendak diterapkan di Malaysia. Bagi mereka yang terlibat dengan bidang polisi, pengurusan dan perundangan pula, kajian boleh ditumpukan kepada usaha untuk mempraktikkan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar yang terpilih (sesuai) dalam pengurusan dan perundangan alam sekitar di negara ini. Prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar dengan ala-Malaysia yang telah dikemukakan pada muka surat 240 –242, sebenarnya boleh diperkayakan lagi dengan prinsip-prinsip Etika Alam Sekitar berasaskan kajian saintifik yang dikemukakan oleh G. Tyler Miller seperti pada lampiran B kajian ini.

Semoga kajian yang dilakukan ini boleh membantu seluruh masyarakat menghayati Etika Alam Sekitar dalam kehidupan mereka.

Wallahua'lamu Ma Bissawab.